

TARIKH	6 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Sejcm p at

Madinah: Penerbangan pertama membabitkan 1,600 jemaah haji Malaysia, bakal tiba di Madinah esok, menerusi empat penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Penerbangan KT1 menggunakan pesawat Saudi Airlines yang membawa 450 jemaah termasuk petugas haji dijangka tiba di Madinah pada jam 5 pagi diikuti oleh tiga lagi penerbangan menggunakan pesawat Saudi Airlines dan Malaysia Airlines (MAS).

Naib Konsul Haji di Jeddah, Mohd Zawawi Bostam berkata, sebanyak 33 penerbangan terbabit dalam fasa satu

dan selebihnya pada fasa kedua dengan rombongan jemaah haji pertama akan bergerak dari Madinah ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji bermula pada 15 September ini.

"Jumlah keseluruhan penerbangan haji membabitkan 22,400 jemaah pada tahun ini ialah 65 penerbangan berbanding 69 pada tahun lalu disebabkan pengurangan jumlah kuota haji sebanyak 20 peratus berikutan proses menaik taraf bangunan Masjidil Haram yang bermula pada musim haji yang lalu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, daripada segi persiapan petugas haji,

seramai 100 petugas sudah mula tiba di Madinah pada 2 dan 3 September lalu membatikan kumpulan kewangan, kebajikan dan perubatan.

Katanya, persiapan sudah dimulakan sejak 28 Ogos yang lalu dan setakat ini, seramai 75 peratus petugas haji sudah mula tiba di Madinah serta Makkah secara berperingkat-peringkat untuk menyambut ketibaan jemaah haji Malaysia.

Sementara itu, beliau turut menasihatkan jemaah haji agar menjaga kesihatan dan membawa bekalan ubat yang mencukupi sebelum tiba di Madinah serta Makkah.



JEMAAH berkumpul di pekarangan Masjid Nabawi di Madinah sementara menunggu masuk waktu solat.